

14 NOV 1998

Transkrip

TEMURAMAH BERNAMA DENGAN PM DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Sempena sidang kemuncak Apec yang Malaysia menjadi tuan rumah buat pertama kalinya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberikan temuramah eksklusif kepada Bernama.

Beliau memperkatakan mengenai harapan Malaysia dan peranan beliau sebagai pengerusi mesyuarat pemimpin-pemimpin negara itu.

Perdana Menteri juga bercakap mengenai kawalan matawang dan jalan ke arah pemulihan ekonomi, senario politik negara dan pelbagai isu lain.

Berikut ialah transkrip soalan dan jawapan temubual itu di pejabat Perdana Menteri oleh Ketua Pengarang Bernama Syed Jamil Jaafar dan Editor Eksekutif Perkhidmatan Ekonomi Yong Soo Heong:

S: Datuk Seri, apakah yang diharapkan Malaysia daripada sidang Apec kali ini?

J: Yang pertamanya kita harap kita dapat mengenengahkan masalah krisis ekonomi di Asia dan tentang perlunya tumpuan diberi kepada sebab yang sebenar krisis ini berlaku, iaitu ia disebabkan oleh perdagangan matawang walaupun ada pihak yang menyalahkan pemerintah negara yang tidak telus dan sebagainya.

Ada juga yang menyalahkan IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa). Tetapi hakikatnya kegawatan ini disebabkan oleh pedagang matawang yang dengan sengaja menjatuhkan nilai matawang.

S: Datuk Seri, sejak Sidang Apec yang lepas (di Vancouver), apakah kemajuan yang Datuk Seri dapat lihat dalam soal integrasi ekonomi serantau?

J: Saya berpendapat tak begitu banyaklah. Semasa di Vancouver juga, saya cuba mengemukakan pandangan kita tetapi mereka menolak. Sekarang ini mereka dapati bahawa apa yang diutarakan oleh kita mempunyai asas bahawa pasaran matawanglah yang menyebabkan masalah ini.

S: Datuk Seri, selain dari menimbulkan soal matawang tadi, Datuk Seri juga ada menyatakan kebimbangan mengenai liberalisasi yang "unrestrained" ataupun yang tidak terbandung dan akibatnya ke atas ekonomi yang dilanda krisis di Asia Timur. Apakah Datuk Seri akan kemukakan isu ini juga di Sidang Apec ini?

J: Kalau saya dapat peluang, kerana sebagai pengerusi, saya tak mungkin bercakap panjang. Saya mesti memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin yang lain. Tetapi memangpun kita berasa kalau kita mengadakan dasar liberalisasi ini terlalu cepat sebelum kita bersedia, kita akan menghadapi masalah yang besar. Umpamanya, mereka hendak supaya modal boleh keluar masuk dengan mudah tanpa apa-apa sekatan. Pada masa dia masuk memang baiklah, dia membawa kekayaan tetapi apabila dia cabut modal dengan serentak seperti yang dilakukan baru-baru ini, maka negara yang berkenaan akan menghadapi masalah yang amat rumit, amat susah untuk diatasi.

S: Datuk Seri, Malaysia amat lantang sekali menyuarakan pendapat dan kadangkala merupakan suara tersendiri ataupun "lone voice" dalam desakan supaya langkah-langkah Apec misalnya tidak mencengkam ataupun terlalu

"binding". Apakah risiko atau bahaya terhadap negara jika Malaysia hanya berdiam diri sahaja?

J: Kalau kita berdiam diri, maka mereka akan terus menekan kita. Sebaliknya negara-negara lain mempunyai pendapat yang sama dengan kita. Tetapi mereka terikat. Kalau mereka sudah menerima bantuan daripada IMF umpamanya, mereka tidak boleh menyuarakan tentangan lagi. Kita bernasib baik kerana keadaan ekonomi kita begitu kukuh sejak mula sehingga kita tidak perlu mendapat bantuan IMF. Oleh kerana kita tidak terikat dengan IMF, maka kita lebih bebas bersuara. Kalau kita bersuara, maka mereka akan teruskan sahaja dengan segala rancangan mereka tanpa mengambil nasib buruk yang menimpa kepada negara-negara membangun.

S: Jadi Datuk Seri, Malaysia akan tetap dan terus bersuara?

J: Kita akan bersuara. Kita tidak boleh tutup mulut kerana kita buat demikian, akhirnya kita akan menjadi mangsa.

S: Datuk Seri ada berkata bahawa ia akan mengambil masa tiga atau empat tahun untuk mendapatkan masyarakat antarabangsa membuat keputusan mengenai regim kewangan yang lebih teratur. Adakah Datuk Seri fikir bahawa dengan membawa isu krisis matawang ini ke Sidang Apec, ia akan mempercepatkan proses membuat keputusan ini?

J: Kita perlu membangkitkan perkara ini dalam setiap forum. Kita tidak boleh melepaskan walaupun satu forum antarabangsa dan membiarkannya berlalu tanpa kita membawa kepada perhatian mereka masalah yang timbul daripada spekulasi matawang.

S: Dengan keanggotaan Apec yang berbeza pendapat dan banyak yang menjadi penyokong IMF, tidakkah Datuk Seri fikir bahawa adalah sukar untuk mendapatkan satu pendapat yang seragam pada Sidang Apec ini?

J: Ya, ini sudah semestinya agak sukar dan saya menjangkakan masa yang lama mungkin tiga atau empat tahun sebelum mereka akan membuat satu keputusan. Ia adalah biasa dalam perbalahan antarabangsa seperti ini. Sesetengah negara akan beruntung dan beberapa lagi akan kerugian. Jadi, untuk mendapatkan persetujuan memang sesuatu yang sukar. Jadi, sehingga mereka sendiri pula dilanda (masalah itu) dan saya pasti ini akan terjadi, mereka akan merasakan kesan buruk spekulasi matawang ini dan pada peringkat itu, saya fikir mereka akan lebih bersedia menerima pandangan kita.

S: Datuk Seri, memandangkan negara-negara Apec adalah punca sebahagian besar daripada pelaburan dan perdagangan dunia, adakah Datuk Seri fikir bahawa Sidang Apec ini harus memberi lebih perhatian kepada krisis matawang setelah sekarang IMF dilihat tidak berkesan, tidak dapat memberi nafas kepada negara-negara yang teruk dilanda krisis matawang ini?

J: Apec sememangnya forum yang betul bagi perkara ini kerana dalam Apec, ada negara-negara yang terjejas teruk akibat perdagangan matawang ini dan ada juga negara yang memperolehi keuntungan daripada perdagangan matawang sehingga tentunya selepas mereka mendapati bahawa mereka kerugian dalam pelaburan yang dibuat di Rusia. Jadi, kini mereka sedar bahawa perdagangan matawang juga boleh memudaratkan mereka. Jadi ada dua pendapat yang berbeza di sini. Satu, seperti negara-negara di Asia Tenggara, kita merasakan tekanan kemerosotan nilai matawang kita. Bagi mereka, mereka rugi kerana pelaburan mereka tidak dapat membayar dividen yang mereka harapkan.

Malahan, banyak bank telah kerugian sejumlah wang yang besar kerana mereka melabur dalam LTCM. Jadi, masalah mereka adalah berbeza daripada kita tetapi ia berpunca daripada sumber yang sama, perdagangan matawang.

S: Mengikut Skim Liberalisasi Awal Sukarela, sembilan sektor utama telah dikenal pasti. Sementara terdapat kemajuan dalam bidang-bidang tertentu, sesetengah negara mempunyai keraguan dalam perkara tertentu. Mengikut premis apakah liberalisasi harus diteruskan bagi membolehkan satu pakej yang dapat diterima oleh kesemua sembilan sektor itu?

J: Yang paling penting ialah ini merupakan secara sukarela, sukarela awal. Dua perkataan ini sangat penting. Ia bermakna anda perlu membuat keputusan anda sendiri apabila anda telah bersedia. Jika anda tidak bersedia, anda boleh menunggu sehingga tiba masanya untuk anda perlu membuat keputusan. Tetapi untuk mengatakan bahawa ia liberalisasi awal sukarela, oleh itu anda mesti bersetuju sekarang, itu adalah salah. Anda boleh melakukannya mengikut rentak anda sendiri bergantung kepada keadaan di negara anda.

S: Datuk Seri, adakah Apec menyimpang daripada tujuan asalnya mengenai integrasi ekonomi. Kelihatan ada cubaan untuk mempolitikkan sidang kemuncak ini?

J: Ini amat malang sekali kerana Apec ialah pertubuhan kerjasama ekonomi. Penekanannya ialah terhadap ekonomi, bukannya terhadap politik. Oleh itu, negara-negara Apec mempraktikkan idelogi-idelogi yang berbeza. Kita mempunyai negara komunis, kita mempunyai negara yang hanya menerima sistem pasaran bebas. Kita mempunyai peringkat proses demokratik yang berbeza di negara-negara yang berlainan. Jika kita mahu berdebat mengenai politik, tidak akan ada isu ekonomi yang dapat diselesaikan. Oleh itu, kita mahu melupakan perkara-perkara mengenai politik. Ia boleh dibincangkan dalam forum lain. Tetapi, Apec ialah forum untuk kerjasama ekonomi.

S: Jadi, sebagai pengerusi, adakah Datuk Seri akan berusaha membawa tumpuan kepada perkara-perkara berkaitan ekonomi semata-mata?

J: Saya akan cuba.

S: ... akan ada dakwaan bahawa Datuk Seri mahu mengalihkan perhatian daripada isu lain seperti politik.

J: Setiap orang daripada kita mempunyai masalah politik. Jadi, tidak ada sesiapa pun yang tidak bersalah dalam menyalahgunakan politik.

S: Apakah signifikannya kemasukan Rusia?

J: Rusia ialah sebuah negara yang besar. Ia adalah negara Pasifik dan Eropah. Hakikatnya ialah apa juga yang Rusia lakukan, ia akan memberi kesan kepada dunia. Apabila Rusia baru-baru ini memutuskan untuk menurunkan nilai rouble dan tidak membayar hutang-hutangnya, akibatnya berlaku banyak kerugian bagi negara-negara di rantau Asia Pasifik. Bukan Malaysia tetapi sesetengah negara lain.

S: Datuk Seri berkata bahawa sidang Apec ialah mengenai perkara-perkara ekonomi dan bukannya mengenai politik, tetapi sidang kemuncak Kuala Lumpur ini telah dipolitikkan dengan komen-komen daripada beberapa pemimpin mengenai contohnya, pemecatan Datuk Seri Anwar. Bolehkah Datuk Seri

mengulas mengenainya?

J: Saya tidak mahu berkata apa-apa kecuali ini adalah sesuatu yang boleh dibincangkan pada forum yang lain tetapi bukannya sidang Apec. Sidang Apec ialah mengenal hal ehwal ekonomi.

S: Adakah Datuk Seri fikir bahawa sidang Apec harus menyentuh mengenai perkara-perkara keselamatan?

J: Tidak, saya tidak fikir begitu. Keselamatan ialah satu perkara yang lain.

S: Datuk Seri, Sidang Apec diadakan di sebalik Malaysia mendapat liputan akhbar yang buruk terutama dalam tempoh dua bulan lepas, dan berikutan pengenalan kawalan kewangan dan isu Anwar Ibrahim. Pada pandangan Datuk Seri, mengapa Malaysia mendapat liputan akhbar yang buruk?

J: Saya rasa kita mungkin terlalu lantang bersuara. Kita suka berterus-terang. Mereka tidak biasa dikritik tetapi biasa mengkritik orang lain. Jadi, apabila mereka menerima teguran yang serupa mereka tidak dapat menerimanya, terutama seperti apa yang disuarakan dalam media. Jadi, mereka bersungguh-sungguh melakukannya kerana kita secara terbuka berpendapat bahawa media mereka salah. Dan sistem mereka adalah salah dan regim kewangan mereka juga salah. Mereka tidak suka diberitahu bahawa mereka salah. Mereka suka memberitahu orang lain bahawa orang lain yang salah. Contohnya, mereka menyalahkan kerajaan kita di atas apa yang berlaku. Tetapi kita menyalahkan mereka dan mereka tidak suka mendengarnya. Jadi, kita bukanlah orang kesayangan mereka.

S: Jadi, media antarabangsa paling tidak bersikap adil kepada Malaysia?

J: Saya boleh katakan begitu.

S: Sidang Apec akan memberi peluang kepada para pemimpin dan wartawan asing untuk melihat sendiri keadaan sebenarnya.

J: Ya, mereka boleh lihat sendiri keadaan di Malaysia tetapi sudah pasti ada yang akan mengadakan demonstrasi untuk menunjukkan bahawa terdapat kebenaran dalam laporan yang mereka buat terhadap kita.

S: Datuk Seri, Perdana Menteri Australia John Howard berkata beliau mahu membangkitkan isu Anwar Ibrahim dalam pertemuan dua halanya dengan Datuk Seri. Apakah respon Datuk Seri mengenai perkara ini?

J: Kita tunggu dan lihat jika beliau membangkitkannya. Jika saya beritahu apa respon saya (sekarang), saya tidak lagi perlu berbincang dengan beliau.

S: Jika beliau mahu membangkitkan perkara itu, adakah Datuk Seri fikir ini satu campurtangan dalam hal ehwal dalaman kita?

J: Sebenarnya, kita juga boleh membangkitkan isu mengenai (Pauline) Hanson, mengenai layanan terhadap Orang Asli dan sebagainya. Tetapi, itu tidak akan membawa kita ke mana-mana.

S: Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai telah meminta supaya kawalan matawang kita dilonggarkan kerana ia menjejaskan perdagangan sempadan dan

pelancongan dengan Malaysia. Adakah Datuk Seri akan menimbangkannya?

J: Saya perlu mendapatkan maklumat lanjut sebelum membuat keputusan.

S: Terdapat juga gesaan supaya dilakukan pengubahsuaian dan kelonggaran peraturan sekarang berikutan ringgit yang telah stabil. Sesetengahnya berkata bahawa mereka yang membawa kurang daripada RM1,000 tidak perlu mengisi borang pengisytiharan Kastam. Bolehkah Datuk Seri mengulas mengenainya?

J: Mengisi borang seperti ini adalah satu perkara biasa di seluruh dunia. Hanya di Malaysia kita memberikan kelonggaran selama ini. Jadi, ia bukannya satu perkara yang menyusahkan. Saya telah bertemu dengan ramai pengembara dan saya bertanya mereka sama ada mereka merasakannya susah. Mereka kata tidak.

S: Selepas lebih dua bulan mengadakan kawalan mawatang, adakah terdapat tanda-tanda positif dari segi pemulihan ekonomi?

J: Sudah tentu. Contohnya, indeks pasaran saham meningkat daripada 262 kepada 400, dan hari ini ia adalah 400 lebih. Simpanan kita juga sudah meningkat. Imbangan perdagangan juga lebih memihak kepada kita. Perdagangan kenderaan motor dan rumah juga meningkat. Secara umumnya, kegiatan perniagaan telah meningkat.

S: Apakah mesej Datuk Seri kepada rakyat Malaysia untuk menggunakan kesempatan ini?

J: Mereka sepatutnya gembira untuk menjalankan perniagaan mereka seperti biasa, untuk berbelanja seperti biasa kerana kita telah mengurangkan kadar faedah. Terdapat banyak wang di dalam bank yang mana mereka boleh meminjamnya untuk menjalankan perniagaan yang sah. Secara umumnya, mereka juga harus menggunakan sepenuhnya kestabilan dalam kadar tukaran asing.

S: Dalam kegawatan ekonomi sekarang, Datuk Seri telah meminta rakyat berkorban dan bekerja keras. Adakah Datuk Seri melihat ini sedang berlaku?

J: Saya dapati bahawa mereka tidak membeli barang-barang yang tidak perlu. Sebab itu imbangan dagangan kita begitu sekali melebihi bagi pihak kita. Kita ada surplus (lebih) dalam imbangan dagangan kerana kita tidak lagi mengimport barang-barang yang tidak perlu seperti barang-barang jenama tertentu dan sebagainya.

S: Bolehkah rakyat menaruh harapan bahawa pemulihan akan menjelang tiba?

J: Ya, kalau kita tetap cermat, kita jalankan tugas kita dengan sempurna, kita tingkatkan produktiviti, saya yakin kita sudah mula proses pemulihan.

S: Dalam jangka masa bila agaknya rakyat boleh mengharapkan pemulihan lebih ketara?

J: Pemulihan akan meningkat pada tahun 1999. Tetapi untuk mencapai tahap yang sama dahulu untuk pertumbuhan lebih lapan peratus akan mengambil masa kerana ianya bukan bergantung kepada apa yang kita buat dalam negara

kita sahaja. Kalau rakan dagangan kita menghadapi masalah, mereka tidak dapat membeli daripada kita dan ini akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

S: Jadi, dalam konteks itu, Datuk Seri, Sidang Apec amat penting sekali.

J: Sidang Apec memang penting tetapi kita jangan letak terlalu banyak harapan dengan Sidang Apec ini kerana pihak lain mempunyai agenda yang lain.

S: Datuk Seri pernah memulaukan sidang Komanwel tetapi Malaysia menjadi tuan rumah CHOGM (Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel) pada 1989. Datuk Seri tidak menghadiri sidang Apec di Seattle tetapi kali ini Malaysia menjadi tuan rumah. Apakah komen Datuk Seri?

J: Ya, saya ingin tahu apa tujuan sebenar sesuatu pertubuhan ataupun sesuatu mesyuarat itu. Kalau kita cuma hadir mesyuarat yang tidak mendapatkan faedah, maka itu adalah satu pembaziran. Kita sebuah negara kecil dan kita tidak boleh terlalu membazir. Saya dapati apabila kita tidak hadir, maka ini menarik perhatian mereka kepada keperluan kita dan mereka memberi tumpuan kepada pandangan kita. Pada ketika itu, penyertaan kita mendatangkan lebih banyak faedah.

S: Datuk Seri telah memilih Cyberview Lodge sebagai tempat perentian untuk Sidang Apec tahun ini. Mengapa ia dipilih? Adakah ia untuk menunjukkan Koridor Raya Multimedia (MSC)?

J: Terdapat banyak sebab mengapa Cyberview dipilih. Satu, sudah tentu untuk menunjukkan MSC. Yang lain ialah suasananya, persekitarannya sangat sesuai untuk dijadikan tempat persinggahan, jauh daripada bandaraya yang sibuk dan lalu lintas serta lain-lainnya. Ia adalah tempat yang sunyi, tipikal seperti sebuah ladang Malaysia. Saya rasa adalah lebih baik mereka melihat suasana yang berbeza dalam Malaysia. Biasanya bila mereka ke sini, mereka akan ke Kuala Lumpur. Mereka melintasi ladang-ladang getah, ladang-ladang sawit tetapi tidak pernah singgah. Sekarang, mereka akan tinggal hampir satu hari di dalam sebuah ladang sawit.

S: Datuk Seri, dengan krisis ekonomi perlu ditangani dan kini krisis politik...bagaimana Datuk Seri melakukannya? Bagaimana Datuk Seri dapat bertahan?

J: Saya masih boleh menguruskannya. Saya rasa dengan bantuan rakan-rakan saya dan semuanya, mereka memberi sokongan kuat. Semua anggota kabinet, semua anggota parti memberi sokongan kuat. Saya tahu saya boleh bergantung harap dengan mereka dan ia akan menambah keupayaan saya bekerja.

S: Berbanding dengan keadaan pada 1987 apabila Datuk Seri dicabar sebagai presiden Umno dan hampir kalah. Ketika itu, hampir separuh daripada anggota Kabinet meninggalkan parti. Jika dibanding keadaan semasa itu dan masalah yang dihadapi sekarang, yang mana lebih berat?

J: Waktu itu kita berasa ianya amat teruk sekali kerana kemungkinan parti pecah dua memangpun ada. Sebenarnya parti telah pecah. Walaupun saya dapat menarik balik majoriti, tetapi akibatnya ialah hampir separuh daripada parti telahpun hilang untuk menyertai parti S46. Kali ini, selain daripada beberapa puluh orang yang tidak ada jawatan yang penting dalam parti, yang lain memberi sokongan penuh. Semua menteri-menteri besar, semua

menteri-menteri kabinet, timbalan menteri, semuanya memberi sokongan penuh dan mereka sebenarnya membuat keputusan ini untuk tindakan yang kita ambil.

S: Jadi parti tetap teguh dan masalah yang dihadapi ini tidaklah sehebat yang pernah Datuk Seri alami?

J: Saya tidak nafi dia hebat, tinggal lagi ialah orang asing sudah mula campur tangan kerana pihak berkenaan mendapat sokongan daripada orang asing yang tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku. Sementara dahulu 1987, orang asing tidak campur tangan. Ini seolah-olah kita negara tak bebas, bukan negara merdeka. Masalah dalam rumah kita pun nak didedah kepada orang asing. Saya khuatir kalau kita mula buat demikian, maka kebebasan kita akan hilang. Orang lain akan menentukan siapa yang akan menjadi pemimpin, siapa yang harus diutamakan dan sebagainya.

S: Gerakan yang hendak membawa perubahan ini nampaknya tidak mendapat sokongan yang sebagaimana yang diharapkan. Jadi jangkaan banyak pihak agak meleset. Jadi ini mungkin menimbulkan kekecewaan di kalangan mereka. Mereka mahu melihat pergolakan yang berlaku seperti di negara-negara jiran berlaku juga di Malaysia...

J: Harapan mereka sebenarnya adalah supaya diadakan rusuhan secara besar-besaran di seluruh negara dan dengan itu, kerajaan ini tumbang dan apabila kerajaan ini tumbang, maka perbicaraan tidak akan diadakan. Jika tidak ada perbicaraan maka perkara-perkara sensitif tidak akan didedah. Jadi, apabila kita tidak tumbang dan perbicaraan diadakan, saya yakin hasrat mereka tidak tercapai.

S: Ada beberapa pihak mungkin akan mengambil kesempatan pada Sidang Apec ini untuk menonjolkan Malaysia ini tidak demokratik sedangkan kita ketahui sebuah negeri ditadbir oleh parti pembangkang dan kerajaan sendiri tewas dalam dua pilihan raya kecil baru-baru ini. Jadi, banyak fakta yang tidak ditonjolkan untuk menggambarkan keadaan sebenarnya di Malaysia ...

J: Mereka, kalau pemerhati dari luar betul-betul meneliti, mereka akan dapati bahawa kerajaan yang ada sekarang ini adalah kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya yang diiktiraf sebagai sah. Sebaliknya cara untuk menjatuhkan kerajaan ini bukan dengan cara penentuan oleh rakyat tetapi dengan cara kekerasan. Cuba melawan dengan polis, cuba bakar tempat itu, tempat ini. Cuba mencabuli masjid dan sebagainya. Ini tidak demokratik. Kalau mereka benar-benar demokratik, mereka tidak akan buat perkara ini. Mereka daripada negara asing yang kononnya begitu sekali memandangkan pentingnya ada demokrasi, mereka tentu tahu bahawa cara untuk menjatuhkan kerajaan ini bukan cara demokratik. Sebaliknya, kerajaan ini ditubuh melalui proses demokrasi.

-- BERNAMA

sj